

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93

April 1993

HKB 402 Seminar Dalam Kesusasteraan Bandingan

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab TIGA [3] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. SAMA ADA

- (a) Kaji pantoum "Harmonie du soir" oleh Baudelaire yang terjemahan Inggerisnya terdapat di dalam lampiran, kemudian bincangkan imej-imej yang digunakan dan persoalan yang ditimbulkan dengan mengaitkannya dengan pengalaman-pengalaman peribadi pengarangnya. Bincangkan juga perkaitan antara karya ini dengan pantun Melayu yang pertama sekali masuk ke dalam kesusasteraan Perancis.

ATAU

- (b) Bincangkan pandangan hidup dan cita rasa sastera penyair-penyair romantik Perancis abad kesembilan belas. Pada pendapat anda apakah kaitan yang terdapat antara pandangan hidup dan cita rasa ini dengan usaha penulisan pantoum yang dilakukan oleh sebahagian daripada penyair-penyair tersebut?

2. Dengan merujuk kepada ajaran-ajaran asas Zen dan Taoisme bandingkan ciri-ciri keindahan dan kesan puisi Zen dengan puisi Taois. Anda bolehlah gunakan terjemahan karya-karya Basho dan Wang Wei yang terdapat di dalam lampiran sebagai titik tolak perbincangan.

3. Dengan merujuk kepada sebuah dairi perjalanan (haibun) Basho yang anda telah kaji, bincangkan taraf pencapaian kerohanian dan proses kreatif seseorang penyair haiku. Pada pendapat anda sejauh manakah proses kreatif dalam tradisi haiku sama dengan tzujan dalam tradisi puisi Taois?

4. Sejauh manakah Faust oleh Goethe berjaya sebagai drama yang mencerminkan wajah manusia dan peradaban Barat dalam aspek-aspek dan tahap-tahap tertentu? Jawapan anda hendaklah dibuat dengan merujuk kepada watak-watak utama seperti Faust, Memphisto, Gretchen, Helen dan Euphorion.

Pada pandangan anda apakah unsur-unsur Timur yang terdapat di dalam karya ini?

5. Bandingkan penggunaan imej dan simbol di dalam Gitanjali oleh Tagore dan Javid Namah oleh Iqbal.

Sejauh manakah benarnya anggapan bahawa puisi Tagore itu mengarah kepada pencarian ketenangan peribadi sedangkan karya perjalanan samawi Iqbal lebih mengarah kepada pencarian tatahidup yang sempurna untuk seluruh umat manusia?

6. Menurut Iqbal karyanya Payam-i Mashreq yang diransang oleh karya Goethe West-Oestlicher Divan amat berkaitan dengan usaha-usaha pembinaan "Adam yang baru dengan dunianya yang juga baru."

Sejauh manakah anda besetuju dengan pendapat tersebut? Juga, dari segi imejeri dan bahasanya, setakat manakah, "Pesanan dari Timur" ini merupakan sebuah puisi yang indah?

LAMPIRAN

EVENING HARMONY

Now every flower stem swings a censer chain  
And every flwoer gives incense to the night.  
Sounds, perfumes circle in the evening light.  
Turning in langourous waltz, again, again;

And every flwoer gives incense to the night...  
The violin trembles like a soul in pain.  
Round goes the langourous waltz again, again,  
The sky is like an altar, vast and bright.

The violin trembles like a soul in pain.  
A sorrowing soul, that fears the unknown night.  
The sky is like an altar, vast and bright.  
In its own darkening blood the sun lies slain.

A sorrowing soul, that fears the unknown night,  
Draws from the shining past what dreams remain.  
Though in its darkening blood the sun lies slain,  
Your memory, like a monstrance, brings me light.

(Baudelaire)

\*\*\*\*\*

Di atas ranting kering  
Bertenggek si gagak  
Senja musim gugur

(Basho)

\*\*\*\*\*

Dalam hutan bambu yang tebal aku duduk sendiri  
Nyaring aku menyanyi sambil memetik luteku  
Hutan ini amat tebal tiada seorangpun yang tahu  
Hanya bulan terang yang datang menyinariku.

(Wang Wei)